



## KENYATAAN MEDIA MENTERI EKONOMI

### MALAYSIA MENYERTAI BLOK TENAGA HIJAU ANTARABANGSA (AZEC) DAN KEMENTERIAN EKONOMI AKAN MENGEMUKAKAN PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA DALAM 3 BULAN

1. Malaysia telah menyertai *Asia Zero Emission Community* (AZEC) secara rasmi, yang merupakan blok tenaga yang terdiri daripada Jepun, Australia, dan negara-negara ASEAN kecuali Myanmar. AZEC merupakan inisiatif baharu bagi memacu peralihan tenaga daripada sumber hidrokarbon kepada sumber tenaga bersih dan tenaga boleh baharu (TBB) serta aspirasi sifar bersih pelepasan gas rumah kaca (GHG) yang lebih signifikan. Konsep AZEC ketika ini adalah lebih bertumpu kepada kerjasama dan bukan instrumen perundangan yang mengikat (*non-binding*).
2. Saya telah mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Peringkat Menteri AZEC pada 4 Mac 2023 di Tokyo, Jepun. Turut serta ialah pegawai-pegawai Kementerian Ekonomi, Kementerian Luar Negari, PETRONAS dan MIDA.
3. Sasaran Malaysia untuk beralih dari tenaga sedia ada ke tenaga hijau merupakan agenda strategik yang mampu mencipta pekerjaan baharu yang bernilai tinggi, selain memenuhi tanggungjawab global kita untuk mengurangkan pelepasan gas rumah berkaca (GHG).

4. Keperluan untuk mematuhi standard hijau sedunia semakin meningkat dan industri Malaysia harus memenuhi syarat dan piawaian hijau untuk kekal berdaya saing sebagai negara perdagangan.
5. Kerjasama yang dijalin melalui AZEC mampu membuka peluang kepada Malaysia untuk mempercepatkan pemindahan teknologi (*technology transfer*) dan pemberian hijau (*green financing*) supaya dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat negara.
6. Kementerian Ekonomi akan memuktamadkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (*Energy Transition Roadmap*) untuk menterjemahkan Dasar Tenaga Negara kepada projek-projek peralihan tenaga yang akan diterajui syarikat-syarikat besar, sederhana, dan kecil. Kementerian berharap dapat mengemukakan Pelan ini dalam tempoh 3 bulan dari sekarang.

**RAFIIZI RAMLI**

**06 MAC 2023**